



## “Apabila seseorang mencintai saudaranya, maka hendaklah dia memberitahunya bahawa dia mencintainya.”

Daripada Al-Miqdām bin Ma’dī Karib رضي الله عنه, daripada Nabi ﷺ, beliau bersabda:  
“Apabila seseorang mencintai saudaranya, maka hendaklah dia memberitahunya  
bahawa dia mencintainya.”

[صحيح] [رواه أبو داود والترمذي والنسائي في الكبرى وأحمد]

Rasulullah صلى الله عليه وسلم menjelaskan salah satu sebab yang menguatkan hubungan antara orang mukmin dan menyebarkan kasih sayang sesama mereka, iaitu apabila seseorang mencintai saudaranya, maka hendaklah dia memberitahunya bahawa dia mencintainya.

<https://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/3017>

